

UMS perkasa kerjasama strategik bidang penyelidikan air di Sabah

UB 20.04.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus giat memperkasa kerjasama strategik dengan beberapa universiti awam (UA) melalui perjanjian penyelidikan.

Terkini, UMS melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) memeterai dua memorandum perjanjian (MoA) bagi dua geran penyelidikan berkaitan penyelidikan air di negeri Sabah.

Upacara MoA berkenaan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Rosalam Sarbatly, sambil disaksikan Dekan FSSA Prof. Dr. Jualan Azlan Gansau.

Turut sama menyaksikan acara menandatangani MoA itu Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Rosalam Sarbatly, sambil disaksikan Dekan FSSA Prof. Dr. Jualan Azlan Gansau.

Turut sama menyaksikan acara menandatangani MoA itu Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSA, Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee dan Ketua Pentadbiran FSSA Aidah Noordin.

Dalam pada itu, Jualan dalam satu kenyataan menjelaskan, penyelidik dari FSSA berjaya menerima geran bernilai RM500,000 di bawah Dana Konsortium Kecemaran Penyelidikan, satu-satunya penerima bagi Fasa Tahun 2021 dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diletakkan di bawah Unit Penyelidikan Air (WRU) UMS.

“Justeru, satu konsortium ditubuhkan melalui dana



JALIN KERJASAMA: Kasim (duduk, kanan) dan Rosalam menandatangani dokumen MoA bagi pihak UMS.

penyelidikan tersebut yang dinamakan ‘Integrated Water Research Synergy Consortium’ (IWARES).

“Konsortium ini adalah kerjasama strategik yang terdiri daripada tiga uni-

penyelidikan tersebut yang dinamakan ‘Integrated Water Research Synergy Consortium’ (IWARES).

“Konsortium ini adalah kerjasama strategik yang terdiri daripada tiga universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI); Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Stesen Penyelidikan Marin (MARES); dan UMS melalui WRU,” katanya.

Beliau turut memaklumkan tiga penyelidik FSSA yang terlibat dalam penyelidikan itu iaitu Prof. Madya Dr. Moh Pak Yan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kualiti air dan kimia sekitaran; Prof. Dr. Baba Musta dengan bidang kepakaran geokimia; dan Prof.

Madya Dr. Carolyn Melissa Payus dengan bidang kepakaran perubahan iklim dan adaptasi.

“Melalui penubuhan konsortium ini, UMS berharap implikasi yang lebih baik

Madya Dr. Carolyn Melissa Payus dengan bidang kepakaran perubahan iklim dan adaptasi.

“Melalui penubuhan konsortium ini, UMS berharap implikasi yang lebih baik terhadap pembangunan dan penambahbaikan dari segi kualiti serta kuantiti sumber air komuniti setempat di Sabah khususnya.

“Menerusi kerja penyelidikan ini, IWARES akan menjadikan WRU sebagai pusat rujukan kepada kualiti sumber air komuniti tempatan di Sabah, di samping mengetengahkan aplikasi sistem Tagal melalui konsep tradisional untuk pengurusan sumber air,” katanya.

Satu lagi MoA yang ditandatangani adalah perjanjian bagi Geran Sepadan

(Matching Grant) bernilai RM100,000 dengan kerjasama strategik antara UiTM dan UMS.

Jualan berkata, penyelidikan itu, antara yang terlibat adalah Ketua Projek dari FSSA UMS, Dr. Teo Siow Hwa; Dr. Mohd Lokman Ibrahim dari UiTM; serta beberapa penyelidik bersama daripada kedua-dua universiti termasuk seorang penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Penyelidikan adalah berkaitan dengan degradasi fotokatalitik bahan pencemaran organik yang boleh meningkatkan kelestarian alam sekitar.

“Degradasi fotokatalitik bahan pencemaran organik merupakan proses penting untuk membersihkan air atau udara yang tercemar dan boleh memberi kesan yang besar terhadap peningkatan kualiti alam sekitar.

“Degradasi fotokatalitik bahan pencemaran organik merupakan proses penting untuk membersihkan air atau udara yang tercemar dan boleh memberi kesan yang besar terhadap peningkatan kualiti alam sekitar.

“Pembangunan teknologi dan proses fotokatalitik baharu ini juga dapat mewujudkan industri dan pekerjaan baharu selain memberi impak kepada ekonomi negeri Sabah secara khususnya dengan mengurangkan kos rawatan air sisa serta kos penjagaan kesihatan yang berkaitan dengan pencemaran,” katanya.

Hadir sama, Ketua WRU Prof. Madya Dr. Moh Pak Yan; Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam UMS Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus dan Pensyarah Kanan FSSA Dr. Teo Siow Hwa.